



**POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

1-12, Fasa 2, Bandar Baru Betong,
Jalan Baru Betong,
95700 Betong,
Sarawak, Malaysia



Tel : 083-472 676
Faks : 083-472 991
Portal Rasmi: www.pmbs.edu.my
Emel: adminPMBS@pmbs.edu.my

Ruj. Kami : PMBS/600/02/10/01 Jld.3 (22)
Tarikh : 03 Oktober 2019

**SEMUA PELAJAR BAHARU
POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK**

Saudara/Saudari,

MAKLUMAN HARI PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI DISEMBER 2019

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS) mengucapkan tahniah kepada saudara/saudari kerana telah berjaya menyambung pengajian di institusi ini. Terima kasih juga diucapkan kerana telah memilih PMBS sebagai institusi pilihan untuk menyambung pengajian anda.

3. Sebagai makluman untuk saudara/saudari, maklumat pendaftaran adalah seperti berikut :

Tarikh : 02 Disember 2019 (Isnin)
Masa : 8.30 pagi – 12.00 tengah hari
Tempat : Bilik Kuliah, PMBS

4. Sehubungan dengan itu, anda perlu mendapatkan maklumat lanjut pendaftaran di laman web PMBS, www.pmbs.edu.my. Bagi melancarkan urusan pada hari pendaftaran, sila lengkapkan semua butiran dokumen yang diperlukan.

5. Selain itu, anda juga dikehendaki membuat pendaftaran secara atas talian mulai 11 November 2019 melalui www.spmp.pmbs.edu. setelah membuat pembayaran yuran sepertimana yang ditetapkan. Sebarang pertanyaan dan kemusykilan berkaitan, boleh menghubungi pegawai kami di talian 083-472 676.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(SUHAILI BIN ALEH)

Pengarah
Politeknik METrO Betong Sarawak